



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

---

### **38 KELUARGA MISKIN TEGAR TERIMA UNIT KEDIAMAN BAITI JANNATI KELUARGA MALAYSIA**

**KUALA LUMPUR, 1 DISEMBER 2021 –** YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyerahkan unit kediaman kepada 38 keluarga miskin tegar menerusi inisiatif Baiti Jannati Keluarga Malaysia. Program yang merupakan kerjasama strategik antara Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) adalah untuk membantu penyewa miskin tegar yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam DBKL (PA DBKL) untuk memiliki rumah sendiri yang lebih selesa dan kondusif tanpa perlu lagi membayar sewa bulanan kepada DBKL.

Menerusi inisiatif Baiti Jannati Keluarga Malaysia TNB telah memberikan peruntukan sebanyak RM1.5 juta wang zakat untuk dimanfaatkan kepada 30 keluarga Islam miskin tegar dan sumbangan YWP sebanyak RM400,000.00 kepada 8 penyewa miskin tegar bukan Islam di PPR/PA DBKL untuk memiliki unit kediaman sendiri. Unit rumah yang terlibat turut dibaik pulih dan dilengkapi dengan barang elektrik asas mengikut keperluan semasa keluarga miskin tegar tersebut.

Sejak tahun 2016 sebanyak 337 unit rumah telah diserahkan kepada warga miskin tegar di PPR/PA DBKL yang layak. Ini membolehkan rakyat yang tidak berkemampuan di Wilayah Persekutuan memiliki rumah sendiri yang lebih selesa sebagai asas keharmonian sesebuah keluarga. Inisiatif ini sekaligus dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat melalui penyediaan tempat tinggal yang selesa kepada golongan B40 di Wilayah Persekutuan. Secara tidak langsung, program ini merupakan salah satu alternatif dalam usaha mengurangkan masalah kemiskinan bandar di Wilayah Persekutuan khususnya di Kuala Lumpur.

KWP mensasarkan untuk membantu 50 lagi keluarga miskin tegar memiliki unit kediaman menerusi inisiatif Baiti Jannati Keluarga Malaysia tahun hadapan dalam memastikan kesejahteraan sosial dan keselesaan kehidupan rakyat sentiasa diutamakan dari semasa ke semasa. Program ini diharap dapat membantu golongan miskin tegar dan meningkatkan kualiti hidup mereka melalui pemilikan rumah kediaman yang selesa di Wilayah Persekutuan selari dengan matlamat *Our City Our Home*.

**Disediakan oleh:**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Wilayah Persekutuan**  
**1 Disember 2021**